



27 November 2017
27 November 2017
P.U. (A) 360

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (PERMIT MENGAJAR) (PINDAAN) 2017

PRIVATE HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS (PERMIT TO TEACH) (AMENDMENT) REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENDIDIKAN TINGGI SWASTA 1996

PERATURAN-PERATURAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
(PERMIT MENGAJAR) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 88 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Permit Mengajar) (Pindaan) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 28 November 2017.

Penggantian peraturan 3

2. Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Permit Mengajar) 1997 [*P.U. (A) 547/1997*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan peraturan 3 dengan peraturan yang berikut:

“Permohonan bagi permit mengajar.

3. Suatu permohonan bagi permit mengajar di suatu institusi pendidikan tinggi swasta hendaklah dibuat kepada Ketua Pendaftar dalam Borang A sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan hendaklah disertakan dengan—

(a) apa-apa dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar; dan

(b) fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.”.

Pindaan peraturan 4

3. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual Kedua” dengan perkataan “dalam Borang B sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama”;

(b) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Suatu permit mengajar adalah sah sehingga dibatalkan di bawah seksyen 52 Akta melainkan jika permit itu tertakluk kepada apa-apa tempoh kesahan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar.”; dan

(c) dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Walau apa pun subperaturan (2), suatu permit mengajar bagi seorang guru yang bukan warganegara Malaysia, selain pemastautin tetap, adalah sah bagi suatu tempoh yang tidak melebihi tempoh pas pengajian yang dikeluarkan kepada guru itu oleh Ketua Pengarah Imigresen.”.

Pindaan peraturan 6

4. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “Tempoh sesuatu permit mengajar” dengan perkataan “Jika suatu permit mengajar tertakluk kepada suatu tempoh kesahan, tempoh permit itu”;

(b) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Permohonan bagi suatu pelanjutan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pendaftar dalam Borang C sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan hendaklah disertakan dengan—

(a) apa-apa dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar; dan

(b) fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.”;

(c) dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Jika Ketua Pendaftar melanjutkan tempoh suatu permit mengajar, Ketua Pendaftar hendaklah mengendorskan pada pendua permit itu tempoh baharu bagi permit mengajar itu.”;

(d) dengan menggantikan subperaturan (4) dengan subperaturan yang berikut:

“(4) Pelanjutan tempoh suatu permit mengajar adalah sah sehingga dibatalkan di bawah seksyen 52 Akta melainkan jika pelanjutan itu tertakluk kepada apa-apa tempoh kesahan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar.”; dan

(e) dengan memasukkan selepas subperaturan (4) subperaturan yang berikut:

“(5) Walau apa pun subperaturan (4), pelanjutan tempoh suatu permit mengajar bagi guru yang bukan warganegara Malaysia, selain pemastautin tetap, adalah sah bagi tempoh yang tidak melebihi tempoh pas pengajian yang dikeluarkan kepada guru itu oleh Ketua Pengarah Imigresen.”.

Penggantian peraturan 7

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 7 dengan peraturan yang berikut:

“Pertukaran butir-butir dalam permit	7. (1) Jika terdapat apa-apa pertukaran butir-butir pada permit mengajar selepas pengeluarannya, guru yang kepadanya permit mengajar itu dikeluarkan hendaklah memohon kepada
--------------------------------------	---

mengajar.

Ketua Pendaftar untuk menukar butir-butir itu dalam permit mengajarnya dalam Borang D sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Jika Ketua Pendaftar meluluskan permohonan di bawah subperaturan (1), Ketua Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu permit mengajar yang baharu kepada guru itu dalam Borang B sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(3) Apa-apa pertukaran yang dibuat pada suatu permit mengajar sebagaimana yang diluluskan di bawah subperaturan (2) hendaklah direkodkan oleh institusi pendidikan tinggi swasta dalam daftar guru yang disebut dalam subseksyen 51(7) Akta.

(4) Tiada seorang pun boleh membuat apa-apa pertukaran pada suatu permit mengajar yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar kecuali oleh atau dengan kelulusan Ketua Pendaftar.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya.”.

Pemotongan peraturan 8

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 8.

Penggantian peraturan 9

7. Subperaturan 9(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “dalam Borang ‘C’ dalam Jadual Pertama” dengan perkataan “kepada Ketua Pendaftar dalam Borang E sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama”;